

25/08/1998

Liputan KL '98 secara meluas

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan memberi jaminan liputan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) akan dibuat seluas-luasnya bagi membolehkan rakyat Malaysia mengikuti semua acara dipertandingkan.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata penonton tempatan boleh mengikuti liputan pelbagai acara sukan itu melalui semua stesen televisyen terrestrial, kabel dan satelit.

"Umpamanya, TV1 mengkhususkan 80 peratus daripada masa siaran kepada temasya sukan itu, manakala TV2 sebanyak 76 peratus.

"Radio Malaysia pula melalui pelbagai siarannya akan menyiarkan sebanyak 38 jam sehari khusus bagi liputan KL '98," katanya pada majlis perasmian Pusat Siaran Antarabangsa (IBC) di Kompleks Angkasapuri di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohamad berkata, selain empat stesen penyiar tempatan, 15 stesen penyiar pelanggan antarabangsa akan turut membuat liputan siaran televisyen dan radio yang boleh diikuti lebih 500 juta penonton dan pendengar di seluruh dunia.

Selain itu, katanya, Radio Malaysia juga akan memuatkan laporan temasya sukan itu di Internet dalam empat bahasa - Melayu, Mandarin, Tamil dan Inggeris - bagi membolehkan pengguna Internet di seluruh dunia mengikuti liputan KL '98 dengan cara yang lebih meluas.

Menurutnya, Malaysia kini menjadi negara Komanwel pertama yang membina bangunan IBC khusus untuk liputan Sukan Komanwel yang dijadualkan berlangsung pada 11 hingga 21 September depan.

Sambil menyifatkan ia sebagai satu kejayaan dan kebanggaan negara, Mohamed berkata, pembinaan itu membolehkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) menjadi hos penyiar bagi temasya sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik.

Beliau berkata, IBC dengan peralatan tercanggih dan tenaga profesional terlatih akan terus menjadi tonggak penyiaran selepas Sukan Komanwel berakhir.

Setakat ini, katanya, IBC sebagai pusat hos penyiar diminta membantu membuat liputan beberapa sukan di peringkat wilayah dan antarabangsa seperti Sukan Sea, Olimpik 2000 dan Olimpik 2004, di samping Golf Piala Dunia 1999.

"Di dalam negara sendiri, IBC boleh memberikan khidmat komersil kepada industri televisyen tempatan dengan peralatan seperti siaran luar, rakaman audio digital dan kemudahan penerbitan susulan terkini," katanya.

IBC yang menjadi nadi bagi semua kegiatan penyiaran ketika berlangsungnya KL '98 direka bentuk bagi memenuhi keperluan operasi serta pentadbiran Hos Penyiar dan Pemegang Hak Siaran atau pelanggan.

(END)